

## SIARAN MEDIA

### PROGRAM GEMPAK INSPIRASI PERKUKUH SOLIDARITI

**PETRA JAYA, 16 OGOS 2025** – YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, hari ini merasmikan Program Gempak Inspirasi @ Sepagi Bersama Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) di Dewan Wisma Sabati, Petra Jaya.

Program ini bertujuan menyemarakkan semangat solidariti wanita, menyediakan platform perkongsian ilmu serta memperkukuh jaringan sokongan sosial komuniti akar umbi khususnya di Sarawak. Selain itu, program ini juga mencerminkan sinergi antara agensi kerajaan dengan pertubuhan masyarakat dalam menjayakan misi memperkukuh institusi wanita, keluarga dan komuniti.

YB Dato' Sri Hajah Nancy dalam ucapan perasmianya menyentuh mengenai inisiatif yang telah dilaksanakan kementeriannya bagi memperkasa Wanita hasil peruntukan sebanyak RM25 juta menerusi Belanjawan 2025. Antara inisiatif tersebut ialah program Pemerksaan Profesionalisme Wanita; Perantisan Kepimpinan Wanita (PERANTIS); Pemerksaan Ibu Tunggal; Subsidi Mamogram dan Kanser Serviks; Menyediakan Bantuan Pasca Kanser Payudara; Kebajikan Wanita; dan Pemerksaan Keselamatan dan Kesejahteraan Wanita

Selain itu, beliau turut menyentuh mengenai sasaran 60 peratus penglibatan wanita dalam pasaran kerja berbanding 56.2 peratus pada tahun 2024 yang digalurkan dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13).

Selaras dengan prinsip Malaysia MADANI, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) turut mengangkat nilai K.A.S.I.H – Kasih Sayang, Akhlak, Sihat dan Selamat, Ilmu dan Harmoni sebagai asas dalam setiap dasar dan pelaksanaan program-program kementerian tersebut.

Kerjasama dengan pertubuhan seperti Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) dilihat merupakan satu pendekatan strategik yang bakal memberi manfaat kepada wanita

kerana pertubuhan ini telah menjadi nadi penggerak pembangunan wanita luar bandar sejak penubuhannya pada tahun 1962. PPWS juga telah melaksanakan pelbagai usaha proaktif dalam membina jati diri dan memperkukuh potensi wanita melalui program keusahawanan, pendidikan keluarga serta sokongan komuniti yang menyeluruh.

Turut hadir, YBrs. Puan Hanani Sapit, Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), YBhg. Dato Hajah Norhyati Binti Haji Mohd Ismail, Pengerusi Negeri, Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) dan pegawai-pegawai kanan jabatan dan agensi Kementerian serta barisan kepimpinan PPWS.

**###**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
16 OGOS 2025**